



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790

Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.600-4/1/3 Jld. **10 (6)**

Tarikh : **17** Disember 2025

Kelab Rekreasi Srikandi Wawasan

Suite 33-01, Tingkat 33 Menara Kek Seng 203

Jalan Bukit Bintang

55100 Kuala Lumpur.

Tuan/Puan,

**PENARIKAN BALIK DAN PENGGANTUNGAN PERTIMBANGAN SOKONGAN
PENGANJURAN PROGRAM TERHADAP KELAB REKREASI SRIKANDI
WAWASAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan (KPM) telah meneliti maklumat dan laporan insiden yang tular di media sosial melibatkan murid Sekolah Kebangsaan Taman Selasih dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Kapar yang terkandas di Lapangan Terbang Soekarno-Hatta, Jakarta Indonesia pada 23 Oktober 2025 ketika dijadualkan menyertai program Sukan Modal Insan MADANI dan Temasya Kebudayaan Kesenian Asia Tenggara Malaysia – Indonesia anjuran Kelab Rekreasi Srikandi Wawasan. Hasil penelitian mendapati pihak penganjur telah melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perkara 3 dan Perkara 4.6 hingga 4.9 surat maklum balas KPM.600-5/6/2 Jld. 27 (76) bertarikh 25 Ogos 2025 serta Perkara 3 dan 4 surat sokongan pelepasan murid KPM.600-5/1/2 Jld. 16 (10) bertarikh 14 Oktober 2025, iaitu:

- 2.1. tidak mempunyai dana mencukupi untuk membiayai pelaksanaan program;
- 2.2. gagal menyediakan penginapan, pengangkutan, makanan dan minuman serta jadual perjalanan yang jelas;
- 2.3. menjejaskan keselamatan dan kebajikan murid apabila peserta rombongan terkandas lebih tiga jam di Lapangan Terbang Soekarno-Hatta tanpa sebarang bantuan.

...2/-

3. Keadaan ini jelas menunjukkan **kecuaian nyata dalam pelaksanaan tanggungjawab penganjur** sekaligus menjejaskan keselamatan, kebajikan dan pengalaman peserta. Insiden ini turut mendapat liputan meluas media di Malaysia dan Indonesia sehingga KPM dikaitkan secara langsung dengan penganjuran program tersebut. Tindakan penganjur telah **menjejaskan imej, reputasi dan nama baik KPM** sebagai institusi kerajaan yang profesional, bertanggungjawab dan amanah dalam pemberian sokongan pelaksanaan program yang melibatkan murid.

4. KPM sentiasa mengalu-alukan usaha dan inisiatif agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam melaksanakan program kokurikulum dan kesenian. Namun demikian, berdasarkan hasil penelitian yang telah dijalankan, KPM dengan ini memutuskan untuk **MENARIK BALIK** surat sokongan bagi penganjuran Program Sukan Modal Insan MADANI dan Temasya Kebudayaan Kesenian Asia Tenggara Malaysia – Indonesia 2025 yang telah dikeluarkan kepada **Kelab Rekreasi Srikandi Wawasan** berkuat kuasa serta-merta. **Kelab Rekreasi Srikandi Wawasan** dan pemiliknya juga akan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** untuk menerima sebarang bentuk sokongan penganjuran program yang melibatkan murid KPM untuk tempoh **TIGA (3) TAHUN** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pendidikan

- s.k.:
1. Yang Berhormat Menteri Pendidikan
 2. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
 3. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan
 4. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Sektor Operasi Sekolah
Kementerian Pendidikan
 - 5.. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor